

KHUTBAH JUMAAT

“KEPERLUAN VAKSINASI COVID-19” (26 Februari 2021M/ 14 Rejab 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ .
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita mendapat kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia, apatah lagi di akhirat kelak. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: “**Keperluan Vaksinasi COVID-19**”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam sebagai agama rahmat menuntut agar umatnya memelihara kesihatan dan menghindari penyakit. Apatah lagi sejak penularan COVID-19 ini, banyak cabaran dan peristiwa yang boleh dijadikan teladan. Ia mengajar kita erti hidup sebagai hamba untuk sentiasa

bermuhasabah dan mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Sesungguhnya, kesihatan adalah antara nikmat terbesar yang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Kesihatan yang baik akan menjadikan kehidupan lebih sejahtera dan berkualiti.

Islam amat menitikberatkan amalan gaya hidup yang sihat. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu* berkata bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda: ((*Mukmin yang kuat itu adalah lebih baik dan lebih disukai oleh Allah subhanahu wata'ala dari mukmin yang lemah (tidak bertenaga)*)).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Syariat Islam diturunkan untuk memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Dalam aspek memelihara nyawa, Islam amat menitikberatkan umatnya agar menjaga nikmat kesihatan yang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Ia merupakan suatu amanah daripada Allah *subhanahu wata'ala* kepada hamba-hambanya untuk dipelihara agar kualiti ibadah kepada Allah *subhanahu wata'ala* berada pada tahap yang terbaik.

Justeru, Islam menganjurkan umatnya supaya menjauhi perkara yang boleh membinasakan diri. Ini kerana Allah *subhanahu wata'ala* tidak akan sekali-kali menzalimi hamba-Nya, bahkan kezaliman tersebut adalah berpunca daripada perbuatan manusia

itu sendiri. Firman Allah *subhanahu wata'ala* menerusi surah ar-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: “Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada masa ini, dunia berhadapan dengan pelbagai penyakit dan masalah kesihatan. Pandemik COVID-19 bukan hanya memberi kesan kesihatan, ekonomi, dan sosial, bahkan juga kesan kepada hal ehwal keagamaan dan kerohanian. Oleh sebab itulah, Islam menganjurkan agar umatnya mengamalkan gaya hidup sihat, pengambilan makanan yang berkhasiat dan seimbang serta penjagaan kebersihan diri dan persekitaran yang menyeluruh.

Islam juga menyarankan umatnya agar berikhtiar mendapatkan rawatan apabila ditimpa sesuatu penyakit. Daripada Jabir bin Abdillah RA, bahawa Nabi SAW telah bersabda:

((لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ، فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ، بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ))

Maksudnya: “Setiap penyakit itu ada penawarnya, maka apabila

sesuatu ubat itu sesuai dengan penyakit, sembuhlah ia dengan izin Allah ‘azza wa jalla.”

(Hadis riwayat Imam Muslim, 2204)

Dalam hadis yang lain, daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu*, bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً))

Maksudnya: “Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya kesembuhan.”

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari, 5678)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan perkembangan semasa, penularan wabak COVID-19 yang semakin meningkat, kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan mendapatkan vaksin bagi melindungi rakyat daripada mendapat risiko jangkitan virus ini.

Di samping itu, kerajaan turut memberi jaminan kepada semua rakyat Malaysia bahawa vaksin yang digunakan telah melepasi syarat-syarat ketat yang telah ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) supaya tidak memudaratkan pengguna.

Tindakan kerajaan dalam program vaksinasi ini adalah sebagai langkah menghindari kemudaratkan kepada seseorang. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu:

الضَّرَرُ يُزَالُ

Maksudnya: *“Kemudaratan itu disingkirkan”*.

Kaedah fiqh ini jelas menunjukkan bahawa segala kemudaratan itu hendaklah dihilangkan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak pada 8 Jamadilawal 1442H/ 23 Disember 2020 **telah memutuskan** dan **diperakui** oleh **Majlis Islam Sarawak** berkaitan ‘**Hukum Penggunaan Vaksin COVID-19**’ seperti berikut:

Hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah HARUS dan ianya WAJIB diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu tanggungjawab masyarakat untuk memelihara diri dengan mengambil vaksin sebagai satu langkah pencegahan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Antara penghayatan yang boleh dijadikan pedoman melalui khutbah pada hari ini ialah:

Pertama: Umat Islam hendaklah sentiasa menjaga nyawa sesuai dengan prinsip Maqasid Syariah.

Kedua: Islam menyeru umatnya agar menghilangkan kemudaratan dan tidak memudaratkan orang lain.

Ketiga: Islam menuntut umatnya agar berusaha untuk mengambil langkah pencegahan melalui pelbagai kaedah perubatan yang bertepatan dengan hukum syarak.

Keempat: Mematuhi arahan pemerintah adalah satu kewajipan bagi umat Islam demi menjaga kemaslahatan ummah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, sekali lagi mimbar menyeru kepada semua, agar kita bersama-sama menjayakan Program Imunisasi COVID-19 ini. Ingatlah bahawa mencegah itu adalah lebih baik daripada mengubati.

Semoga kita terpelihara daripada jangkitan penularan virus COVID-19 dan dapat menjalani kehidupan dengan tenang dan sejahtera. marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 159:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فِيمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ^ط وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَأَنْفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ
فَاعْفُ عَنْهُمْ^ط وَأَسْتَغْفِرْ لَهُمْ^ط وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ^ط فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ^ج إِنَّ

اللَّهُ تَحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu),

dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada-Nya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri

kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.